

NOTIS PENTING

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN PRIMEINVEST-I (Tarikh Berkuatkuasa: 22 Februari 2021)

Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan digunapakai bagi Akaun Pelaburan PrimeInvest-i ("IA-i") berdasarkan konsep Syariah *wakalah bi al-istithmar* yang disediakan oleh Bank.

1.0 AM

- 1.1 Terma dan Syarat Am ini adalah tertakluk ke atas semua produk IA-i yang dibuka dan diselenggarakan oleh Pemegang Akaun Pelaburan ("IAH") dengan Bank. Dengan membuka, mengekalkan dan mengguna Akaun (seperti yang ditakrifkan), IAH dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 1.2 Kesemua produk ini adalah tertakluk di bawah undang-undang Malaysia dan prinsip-prinsip Syariah.

2.0 DEFINISI

Di dalam Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud yang dikhususkan ke atas mereka, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

'**Akaun**' bermaksud Pemegang Akaun IA-i yang dibuka dan diselenggarakan dengan Bank. Produk-produk ini adalah ditadbir oleh Terma & Syarat ini.

'**Akaun Korporat**' bermaksud Akaun yang dibuka dan dikendalikan oleh sebuah syarikat.

'**Akaun Pelaburan-i**' atau '**IA-i**' bermaksud Akaun Pelaburan PrimeInvest-i berdasarkan konsep Syariah *wakalah bi al-istithmar* yang ditawarkan oleh Bank kepada Pemegang Akaun.

'**Akaun Pelaburan Tidak Terhad**' bermaksud sejenis Akaun Pelaburan di mana IAH memberi mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menentukan batasan atau syarat tertentu.

'**Akaun Perkongsian**' bermaksud Akaun yang dibuka dan dikendalikan oleh perkongsian.

'**Baki Tersedia**' bermaksud jumlah yang terdapat di dalam Akaun berdasarkan rekod Bank.

'**Bank**' bermaksud MBSB Bank Berhad, termasuk hak terdahulu, pengganti hak milik dan penerima serah hak.

'**Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur**' bermaksud borang penilaian untuk menilai kesesuaian bakal IAH bagi produk Akaun Pelaburan kecuali jika dikecualikan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

'**Entiti**' bermaksud dan tidak terhad kepada orang biasa, perkongsian, pemilik tunggal, firma, syarikat, perbadanan korporat, persatuan/ anggota yang tidak diperbadankan, amanah, organisasi, badan berkanun, entiti kerajaan, negeri/ agensi negeri dan entiti lain yang diiktiraf di bawah undang-undang Malaysia.

'**Lembaran Penjelasan Produk**' atau '**PDS**' bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat-maklumat dan pendedahan tentang terma-terma utama bagi produk Akaun Pelaburan yang berkaitan.

'**Pemegang Akaun Pelaburan**' atau '**IAH**' bermakna Entiti yang mana Akaun dibuka dan diselenggarakan oleh Pemegang Akaun dengan Bank.

'**Wakalah**' bermaksud kontrak di mana satu pihak (*muwakkil*) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen mereka (*wakil*) untuk melakukan tugas tertentu, dalam hal-hal yang dapat

didelegasikan, baik secara sukarela atau dengan pengenaan biaya.

'**Wakalah bi al-istithmar**' bermaksud bentuk kontrak *wakalah* (atau kontrak agensi) yang dimeterai untuk tujuan pelaburan.

3.0 SUMBER DANA

- 3.1 IAH bertanggungjawab sepenuhnya dan mengambil akauntabiliti untuk memastikan bahawa mana-mana dan semua dana yang dilaburkan dan dipindahkan oleh IAH atau Bank apabila menerima arahan dari IAH ke dalam Akaun ini mematuhi prinsip-prinsip Syariah. IAH mesti memahami sepenuhnya bahawa melabur atau memindahkan dana yang tidak mematuhi prinsip-prinsip Syariah ke dalam Akaun ini adalah tidak dibenarkan sama sekali; IAH bersetuju dan mengaku janji bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang sebab.

4.0 PRINSIP SYARIAH

- 4.1 Akaun Pelaburan-i ialah produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad yang berdasarkan konsep Syariah *Wakalah*.

- 4.2 Di bawah IA-i, IAH sebagai *muwakkil* atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank sebagai *wakil* atau ejen untuk melakukan aktiviti pelaburan dan sebagai balasannya Bank layak untuk menerima insentif prestasi untuk perkhidmatan yang diberikan bergantung kepada prestasi aset-aset pelaburan seperti yang diterangkan dalam PDS.

- 4.3 IAH mengakui bahawa dia benar-benar memahami risiko yang berkaitan dengan IA-i termasuk kemungkinan menanggung kerugian kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modalnya di IA-i.

5.0 PEMBUKAAN AKAUN

- 5.1 Pembukaan akaun hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Bank dengan memberikan dokumen yang diperlukan dan maklumat yang dikehendaki sebagaimana prosedur Bank untuk pembukaan akaun.

- 5.2 Melainkan dikecualikan, sebarang permohonan untuk membuka IA-i hendaklah disertakan dengan Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur yang lengkap.

- 5.3 Pembukaan Akaun adalah tertakluk di bawah Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan/ atau mana-mana syarat lain yang mungkin terpakai ke atas Akaun dengan ciri-ciri khas seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan dan/ atau risalah-risalah khas.

- 5.4 Atas permintaan Bank, IAH hendaklah memberi spesimen tandatangannya, melaksanakan urusan dokumen dan tindakan berkaitan dan menyediakan dokumen-dokumen (termasuk, dan tanpa had bagi mana-mana dokumen pengenalan untuk pengesahan Bank) untuk dipertimbangkan oleh Bank dalam pembukaan Akaun. Sekiranya IAH gagal berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank, Bank dengan budi bicaranya berhak menolak pembukaan Akaun tersebut.

- 5.5 Penerimaan mana-mana permohonan bagi pembukaan dan penerusan Akaun ini adalah mengikut budi bicara Bank.

- 5.6 Bank berhak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada IAH, jumlah minimum deposit permulaan yang diperlukan untuk membuka dan mengekalkan Akaun berdasarkan jenis produk.

5.7 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan Akaun atau mana-mana dokumen yang berkaitan, IAH dengan ini bersetuju untuk melantik pihak Bank sebagai agen pelaburan berdasarkan kontrak *wakalah* bagi pengurusan pelaburan IA-i. IAH juga bersetuju untuk memberikan sepenuh mandat kepada pihak Bank untuk membuat keputusan pelaburan tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat. Sebarang keuntungan yang dijana dari pelaburan tersebut akan diagihkan berdasarkan parameter yang telah ditetapkan oleh Bank.

5.8 Kontrak wakalah antara IAH dan pihak Bank adalah terpakai bagi setiap penempatan pelaburan yang dibuat oleh IAH di bawah produk IA-i ini dengan berpandukan terma-terma yang telah diperincikan dalam Terma dan Syarat dan pengesahan penempatan.

6.0 PENEMPATAN PELABURAN

6.1 Tempoh pelaburan adalah dalam 1 hari ke 60 bulan dengan Jumlah Pelaburan minimum Sepuluh Ribu Ringgit (RM10,000) atau tempoh pelaburan dan Jumlah Pelaburan minimum yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

6.2 Pelaburan boleh dibuat melalui wang tunai atau cek atau pemindahan telegrafik atau pemindahan dari akaun bank yang lain atau mana-mana medium yang lain yang diterima oleh Bank.

6.3 Bagi mana-mana penempatan pelaburan yang dibuat melalui cek, akaun tersebut adalah sah hanya selepas penjelasan cek. Cek-cek dan instrumen-instrumen deposit yang lain yang tidak dapat ditunaikan akan dikembalikan kepada pelanggan di alamat terakhirnya yang didaftarkan dengan Bank melalui pos tertakluk ke atas risiko-risiko dan perbelanjaan sendiri.

6.4 Penerimaan cek dan instrumen moneteri untuk pengkreditan Akaun adalah mengikut budi bicara Bank.

6.5 Semua cek dan instrumen moneteri yang didepositkan atau mana-mana pindahan sama ada melalui pos, telegraf atau elektronik adalah diterima oleh Bank untuk kutipan sahaja dan tidak boleh dipulangkan semula sehingga Bank telah menerima jumlah pindahan tersebut.

6.6 Pengesahan penempatan akan diberikan kepada IAH semasa penempatan pelaburan IA-i.

7.0 BAYARAN KEUNTUNGAN

7.1 Keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dibayar oleh pihak Bank kepada IAH mengikut kadar keuntungan dijangka atau kadar keuntungan sebenar, yang mana berkenaan, yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Penjelasan Produk.

7.2 Pengiraan keuntungan akan ditentukan oleh Bank dan sebarang keuntungan, jika ada, akan dibayar pada tarikh matang atau pada jangka masa seperti yang dinyatakan dalam PDS.

7.3 Sekiranya pelaburan tersebut mengalami kerugian, pihak Bank hendaklah membayar kepada IAH jumlah yang bersamaan dengan jumlah pelaburan tolak kerugian yang ditanggung.

7.4 Sebarang kerugian atau pengurangan jumlah prinsipal pelaburan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh IAH kecuali dan melainkan kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa perbuatan salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.

7.5 Sekiranya berlaku salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat oleh pihak Bank (sebagai wakil IAH) yang menyebabkan kadar keuntungan yang lebih rendah daripada kadar keuntungan dijangka bagi pelaburan tersebut atau kehilangan atau pengurangan jumlah pelaburan pokok, Bank hendaklah memberi pampasan (jika perlu) kepada IAH di mana pampasan yang perlu dibayar akan ditentukan berdasarkan kepada mekanisma pihak Bank, peruntukan pihak pengawal selia, dan/ atau undang-undang sedia ada, mana-mana yang terpakai.

8.0 OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI

8.1 IA-i akan dijalankan mengikut objektif dan strategi pelaburan seperti yang dinyatakan dalam PDS.

9.0 KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN

9.1 Penilaian akan dilaksanakan selaras dengan pengiktirafan dan kriteria Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).

10.0 PENEBUSAN PELABURAN DAN PENGGANTUNGAN

10.1 IAH boleh menebus pelaburan pada tempoh matang di mana IAH boleh menerima jumlah pelaburan principal bersama dengan pembayaran keuntungannya (jika ada) hasil daripada aktiviti pelaburan yang dilakukan oleh Bank.

10.2 Sekiranya pengeluaran awal sebelum tempoh matang, IAH akan bersetuju dengan syarat berikut;

Pengeluaran awal	Perincian
Dengan notis bertulis 31 hari awal	Hanya 50% daripada keuntungan akan dibayar kepada IAH.
Tanpa notis bertulis 31 hari awal	Tiada keuntungan akan dibayar kepada IAH. IAH akan mengetepikan hak mereka untuk menerima sebarang keuntungan daripada Bank.

10.3 Syarat di atas tidak terpakai untuk penempatan selama 1 bulan dan ke bawah. Pelanggan boleh menarik balik jumlah pelaburan pada bila-bila masa dan akan menerima 50% daripada keuntungan terakru (jika ada) berdasarkan jumlah hari pelaburan.

10.4 Penebusan sebahagian pelaburan sebelum tempoh matang tidak dibenarkan.

10.5 IAH dengan ini bersetuju bahawa penentuan Bank mengenai jumlah yang perlu dibayar kepada IAH di bawah Akaun kecuali kesalahan nyata adalah muktamad dan mengikat terhadap IAH.

10.6 Bank berhak untuk menggantung sebarang pengeluaran bagi akaun IA-i. Walau bagaimanapun, penggantungan hanya boleh dilakukan dalam keadaan berikut:

- i. Keadaan yang luar biasa, dengan mempertimbangkan kepentingan IAH, yang meliputi: (i) kegagalan seluruh pasaran atau krisis kewangan/ ekonomi seperti kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan harga aset; (ii) masalah operasi seperti bekalan elektrik terputus (*blackout*) berskala besar atau kegagalan sistem; dan (iii) *force majeure*.
- ii. Untuk kepentingan IAH, di mana: (i) aset pendasar tidak dapat dicairkan pada harga dan syarat yang sesuai untuk tujuan penebusan, (ii) kepentingan IAH akan terjejas secara material sekiranya transaksi tidak ditungguhkan, dan (iii) ada peristiwa atau keadaan lain yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya

11.0 PEMBAHARUAN PELABURAN

11.1 Kecuali dinyatakan sebaliknya, jika IAH tidak menebus pelaburan pada tarikh matang, Bank akan menganggap bahawa IAH telah memberikan persetujuan kepada Bank untuk memperbaharui pelaburan secara automatik.

11.2 Sekiranya tarikh matang jatuh pada hari tidak bekerja, setiap arahan pembaharuan deposit oleh IAH akan dilaksanakan pada hari bekerja berikutnya. Walau bagaimanapun, keuntungan akan terus terkumpul dan dibayar sehingga tarikh pembaharuan tersebut.

11.3 Melainkan dinyatakan sebaliknya, jika IAH tidak memperbaharui Akaun selepas tempoh matang, pihak Bank akan memperbaharui akaun tersebut secara automatik setelah tamat tempoh penempatan sedia ada;

11.4 Walaubagaimanapun, pembaharuan secara automatik ini adalah terpakai bagi jumlah tempoh yang tidak melebihi daripada tujuh

- (7) tahun, jika tidak, ianya akan tertakluk kepada Para 20.0 di bawahnya;
- 11.5 Berdasarkan Para 11.3, setiap perubahan pada kadar keuntungan dari Akaun yang diperbaharui tertakluk kepada Kadar Keuntungan Dijangka semasa Bank yang dipaparkan. Perubahan pada kadar keuntungan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh penempatan yang sedia ada.
- 11.6 Pembaharuan secara automatik hendaklah dilaksanakan berdasarkan jumlah amaun penempatan pada tempoh matang di mana jumlah prinsipal yang telah ditambah dengan keuntungan (jika ada) serta tempoh penempatan tersebut hendaklah sama dengan tempoh penempatan asal.
- 12.0 PENAMATAN ATAU PENGGANTUNGAN DANA PELABURAN**
- 12.1 Pihak Bank boleh menamatkan atau menggantung Dana Pelaburan atau apa apa yang berkaitan dengannya mengikut budi bicara pihak Bank atau atas sebab mengikut arahan pihak berkuasa setelah dengan memberi notis kepada IAH.
- 12.2 Lanjutan daripada perkara tersebut, nilai Aset Pelaburan akan dibuat mengikut Tatacara Penilaian ke atas Aset Pelaburan seperti yang tertera di atas. Nilai untung rugi pelaburan dan modal pelaburan akan diputuskan oleh Bank berdasarkan tarikh penamatan atau penggantungan Dana Pelaburan. Pemulangan Dana Pelaburan beserta untung rugi pelaburan akan dibayar kepada Pelabur setelah mengambil kira yuran dan bayaran bank (jika ada) pada tarikh yang ditetapkan setelah mengambil kira terma dan syarat pihak berkuasa.
- 13.0 AKAUN PERKONGSIAN**
- 13.1 Akaun perkongsian ini akan dikendalikan oleh Penandatanganan yang diberi kuasa selaras dengan spesimen tandatangan IAH perkongsian, mandat atau resolusi lembaga pengarah yang berdaftar dengan Bank. Arahan atau syarat-syarat tertentu untuk mengendalikan Akaun ini oleh penandatanganan yang diberi kuasa hendaklah jelas, secara bertulis dan di dalam terma yang diterima oleh Bank.
- 13.2 Kad spesimen IAH, mandat atau resolusi lembaga pengarah (mana yang berkenaan) akan terus berkuatkuasa ke atas Akaun Perkongsian melainkan ianya dibatalkan secara bertulis oleh IAH. Bank adalah dilepaskan daripada sebarang tanggungan kerana melaksanakan mandat IAH atau resolusi lembaga pengarah untuk Akaun Perkongsian sehingga masa yang tepat pembatalan mandat atau resolusi lembaga pengarah diberitahu secara bertulis dan diakui diterima oleh Bank.
- 13.3 IAH hendaklah memastikan bahawa tandatangan bagi arahan dan komunikasi dengan Bank adalah sepadan dengan spesimen tandatangan yang diberikan kepada Bank atau mana-mana dokumen yang mengandungi spesimen tandatangan IAHn, mandat atau resolusi lembaga pengarah, jika gagal berbuat demikian, Bank berhak berdasarkan budi bicaranya menolak untuk melaksanakan arahan yang sama. Walau bagaimanapun, mengikut budi bicara Bank, Bank berhak bertindak atas arahan dan komunikasi IAH walaupun tandatangan itu berbeza dari tandatangan spesimen sekiranya arahan dan komunikasi disahkan sebagai daripada IAH.
- 13.4 Apabila membuka Akaun, IAH hendaklah memberikan Bank senarai nama dan spesimen tandatangan Penandatanganan yang diberi kuasa melalui surat/ dokumen yang dialamatkan kepada Bank dan ditandatangani oleh semua rakan kongsi pada masa material perkongsian. Peruntukan yang sama adalah terpakai apabila terdapat sebarang perubahan Penandatanganan yang diberi kuasa di dalam Akaun Perkongsian. Surat/ dokumen sedemikian hendaklah diterima oleh Bank sebagai bukti muktamad.
- 13.5 Mandat pertama yang diberikan ke atas Akaun Perkongsian hendaklah kekal berkuatkuasa sehingga dibatalkan secara bertulis oleh semua rakan kongsi pada masa material perkongsian, walaupun terdapat perubahan nama di dalam perkongsian/ apa-apa perubahan di kalangan rakan kongsi melalui kematian, mufli, persaraan rakan kongsi/ kemasukan rakan kongsi baru.
- 13.6 Jika tiada perubahan/ pembatalan mandat terdahulu yang diterima oleh Bank, Bank berhak menganggap rakan kongsi yang masih hidup/ berterusan pada masa itu mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan rakan kongsi dan berurusan dengan Akaun Perkongsian seolah-olah tiada perubahan di dalam perkongsian.
- 13.7 Dalam hal IAH telah memberi kuasa secara bertulis kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan untuk memberi arahan dan pengesahan kepada Bank berkenaan dengan Akaun Perkongsian, maka Bank telah diberi kuasa untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak terhadap arahan dan pengesahan tersebut. Bank tidak akan bertanggung jawab ke atas mana-mana kerugian yang mungkin ditanggung IAH disebabkan Bank telah menerima dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian.
- 13.8 Jika IAH mempunyai lebih daripada satu Penandatanganan yang diberi kuasa, Bank berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas pengesahan yang diberikan oleh mana-mana Penandatanganan yang diberi kuasa ke atas apa-apa arahan/ cek/ instrumen kewangan yang lain yang dikeluarkan oleh IAH. Pengesahan seumpama itu adalah terikat ke atas IAH.
- 13.9 Buku cek IAH hendaklah disimpan dengan selamat oleh Penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH di dalam persekitaran yang selamat, hanya boleh diperolehi oleh Penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH.
- 13.10 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pemalsuan cek IAH/ salah guna mandat jika IAH telah mengamankan buku cek kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan untuk disimpan secara selamat.
- 13.11 Apabila Bank pada pendapatnya menganggap Penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH menyalahgunakan terma-terma Mandat, Bank boleh menolak untuk melaksanakan Mandat sehingga Bank diberi penjelasan yang munasabah oleh Penandatanganan lain yang diberi kuasa/ rakan kongsi IAH. Bank berhak untuk membekukan Akaun untuk sementara waktu sehingga isu tersebut diselesaikan.
- 13.12 Bank berhak untuk membekukan Akaun Perkongsian IAH jika:
- arahan serentak yang bercanggah diberikan kepada Bank oleh Penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH yang berlainan;
 - apa-apa bukti pemalsuan tandatangan Penandatanganan yang diberi kuasa/ rakan kongsi dimaklumkan kepada Bank tertakluk kepada laporan polis diberikan kepada Bank sebelum pembekuan Akaun Perkongsian dijalankan dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Akaun Perkongsian sebelum penerimaan laporan polis tersebut.
- 13.13 Bagi tujuan menentukan rakan kongsi di dalam perkongsian pada waktu yang material, Bank berhak untuk bergantung kepada rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan rekod tersebut adalah muktamad dan mengikat IAH.
- 13.14 Melainkan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Para 12.0, semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas IAH di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan sebagai kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas semua rakan kongsi IAH.
- 14.0 AKAUN KORPORAT**
- 14.1 Akaun Korporat akan dikendalikan oleh Penandatanganan yang diberi kuasa mengikut butiran spesimen tandatangan, mandat atau resolusi lembaga pengarah IAH yang didaftarkan dengan Bank. Arahan atau syarat khusus untuk mengendalikan Akaun Korporat oleh Penandatanganan yang diberi kuasa mestilah jelas, secara bertulis dan hendaklah di dalam bentuk yang boleh diterima oleh Bank.
- 14.2 Apabila membuka Akaun Korporat, IAH Korporat hendaklah memberi kepada Bank senarai nama dan tandatangan spesimen Penandatanganan yang diberi kuasa melalui salinan resolusi lembaga pengarah yang disahkan. Peruntukan yang sama adalah terpakai apabila terdapat sebarang perubahan kepada

- penandatanganan yang diberi kuasa bagi Akaun Korporat. Salinan resolusi lembaga pengarah yang disahkan berasal daripada IAH Korporat atau setiausaha syarikat hendaklah diterima oleh Bank sebagai bukti muktamad.
- 14.3 Kad spesimen IAH Korporat, mandat atau resolusi lembaga pengarah (jika berkenaan) akan terus berkuatkuasa berkenaan dengan Akaun Korporat sehingga ianya dibatalkan secara bertulis oleh IAH Korporat. Bank akan dilepaskan daripada sebarang tanggungjawab kerana bertindak ke atas mandat IAH Korporat atau resolusi lembaga pengarah yang diberikan untuk Akaun Korporat sehingga masa yang tepat pembatalan mandat IAH atau resolusi lembaga pengarah dimaklumkan secara bertulis kepada Bank dan diakui diterima oleh Bank.
- 14.4 IAH hendaklah memastikan bahawa tandatangan bagi arahan dan komunikasi dengan Bank adalah sepadan dengan spesimen tandatangan yang diberikan kepada Bank atau mana-mana dokumen yang mengandungi spesimen tandatangan IAH, mandat atau resolusi lembaga pengarah. Jika gagal berbuat demikian, Bank berhak berdasarkan budi bicaranya menolak untuk melaksanakan arahan yang sama. Walau bagaimanapun, mengikut budi bicara Bank, Bank berhak bertindak atas arahan dan komunikasi IAH walaupun tandatangan itu berbeza dari tandatangan spesimen sekiranya arahan dan komunikasi disahkan sebagai dari IAH Korporat.
- 14.5 Dalam hal IAH Korporat telah memberi kuasa secara bertulis kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan untuk memberi arahan dan pengesahan kepada Bank berkenaan Akaunnya, maka Bank diberi kuasa oleh IAH Korporat untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin akan ditanggung akibat daripada Bank menerima dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian.
- 14.6 Jika IAH Korporat mempunyai lebih daripada satu penandatanganan yang diberi kuasa, Bank berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas pengesahan yang diberikan oleh mana-mana penandatanganan yang diberi kuasa ke atas mana-mana arahan/ cek/ instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh IAH Korporat. Pengesahan seumpama itu adalah mengikat IAH Korporat.
- 14.7 Buku cek IAH hendaklah disimpan dengan selamat oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH Korporat di dalam persekitaran yang selamat dan hanya boleh diperolehi oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH Korporat.
- 14.8 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pemalsuan cek IAH Korporat/ salah guna Mandat IAH Korporat jika IAH Korporat telah mengamanahkan buku cek untuk disimpan secara selamat kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan.
- 14.9 Apabila Bank pada pendapatnya menganggap penandatanganan yang Diberi kuasa oleh IAH Korporat menyalahgunakan terma-terma Mandat, Bank berhak untuk enggan melaksanakan Mandat sehingga Bank diberi penjelasan yang munasabah oleh Penandatanganan lain yang diberi kuasa/ semua pengarah IAH Korporat pada masa material. Bank berhak untuk membeku Akaun untuk sementara waktu sehingga isu tersebut diselesaikan.
- 14.10 Bank berhak membeku Akaun Pemegang Korporat jika:
- arahan serentak yang bercanggah diberikan kepada Bank oleh Penandatanganan yang diberi kuasa oleh IAH Korporat yang berlainan;
 - mana-mana bukti pemalsuan tandatangan Penandatanganan yang diberi kuasa/ pengarah dimaklumkan kepada Bank tertakluk kepada laporan polis yang diberikan kepada Bank sebelum pembekuan Akaun Korporat dijalankan, dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Akaun Korporat sebelum penerimaan laporan polis tersebut.
- 14.11 Melainkan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Para 13.0, semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas IAH di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan sebagai kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas semua pengarah IAH Korporat.
- 14.12 Bagi tujuan menentukan pengarah-pengarah IAH Korporat pada bila-bila masa material, Bank berhak untuk bergantung kepada rekod-rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan rekod-rekod tersebut adalah muktamad dan mengikat IAH Korporat. Sekiranya rekod-rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak dikemaskini, maka Bank berhak bergantung kepada mana-mana sijil yang diberikan kepadanya oleh setiausaha syarikat IAH.
- ## 15.0 CAGARAN SEBAGAI SEKURITI
- 15.1 Akaun IA-i boleh dicagarkan sebagai sekuriti bagi sesuatu pelaksanaan atau tanggungan atau liabiliti kepada Bank, yang mana berkenaan. Melainkan yang dinyatakan, Akaun IA-i tidak boleh dicagar untuk apa-apa alasan yang lain.
- ## 16.0 PENGGABUNGAN DAN HAK UNTUK MENOLAK SELESAI
- 16.1 Pihak Bank, sebagai tambahan ke atas mana-mana lien am atau mana-mana hak yang berkaitan di bawah undang-undang, boleh pada bila-bila masa, dengan notis yang secukupnya, menggabungkan mana-mana atau kesemua akaun kemudahan (jika ada) dengan liabiliti IAH terhadap pihak Bank dengan melupuskan atau memindahkan mana-mana jumlah atau jumlah terkini bagi salah satu akaun kredit atau akaun-akaun IAH yang lain termasuk Akaun IA-i ke atas keperluan daripada mana-mana liabiliti kepada pihak Bank sama ada yang akaun utama atau cagaran atau akaun bersama atau akaun berasingan.
- 16.2 IAH bersetuju sekiranya terdapat keadaan di mana IAH ingkar dalam pembayaran mana-mana keberhutangan (sama ada yang benar, luar jangka, semasa atau masa hadapan) yang kena dibayar kepada Bank sama ada secara perseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain termasuk keuntungan atau caj ("Keberhutangan"), pihak Bank berhak untuk membekukan sebahagian Baki Yang Ada bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran ingkar Keberhutangan dan memberi tujuh (7) hari notis kepada IAH untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan.
- 16.3 Jika IAH gagal untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan dalam tempoh tujuh (7) hari tersebut, pihak Bank berhak untuk menolak sepenuhnya mana-mana bahagian Baki Yang Ada dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan (walaupun ianya melibatkan pengeluaran awal sebarang IA-i sebelum tarikh matang).
- 16.4 Bagi mengelak sebarang kekeliruan, hak Bank untuk menolak selesai di sini boleh dilaksanakan oleh Bank:
- walaupun ke atas Akaun Bersama, walaupun keberhutangan kena dibayar oleh mana-mana IAH Bersama kepada Bank;
 - di mana Baki yang Ada di dalam Akaun adalah kredit bersama Akaun lain kepunyaan IAH yang mempunyai baki debit dengan jumlah yang kena dibayar kepada Bank; dan
 - walaupun berlakunya kematian ke atas Pemegang Akaun, kebankrapan/ ketidakmampuan bayar (insolvensi), kedudukannya dengan pemiutang atau apa-apa prosiding perundangan terhadap IAH.
- ## 17.0 PENUTUPAN AKAUN
- 17.1 Penutupan akaun hendaklah mengikut terma dan syarat yang tertera di dalam mandat yang telah diberikan oleh IAH kepada Bank.
- 17.2 Pihak Bank berhak untuk menutup akaun IAH di atas permintaan IAH mengikut undang-undang atau atas budi bicara pihak Bank.
- 17.3 Akaun boleh ditutup/ ditamatkan jika berlakunya mana-mana perkara berikut:-
- Setelah menerima permintaan bertulis oleh IAH; atau
 - IAH telah bankrap atau mufliis; atau
 - Pengeluaran oleh IAH ke atas semua atau sebahagian daripada jumlah pelaburan yang diletakkan; atau
 - Hasil carian dengan CTOS, DCHEQS dan senarai negatif dalaman dan mengesahkan bahawa IAH adalah bankrap

- atau di bawah pembubaran (secara sukarela atau wajib) atau disenaraihitamkan; atau
- v. IAH melakukan pelanggaran pada mana-mana terma dan syarat yang tertakluk; atau
 - vi. Arahan daripada mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang; atau
- 17.4 Di samping hak pihak Bank yang terkandung dalam Para 16.3 di atas, IAH bersetuju bahawa Bank berhak untuk menutup mana-mana akaun menurut budi bicaranya tanpa perlu memberi sebarang sebab, dengan memberi notis yang mencukupi kepada IAH (yang mana dianggap sesuai).
- 17.5 IAH hendaklah mematuhi semua kehendak pihak Bank dan juga prosedur untuk penutupan akaun, termasuk bayaran apa-apa caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Bank bagi penutupan akaun ini (jika ada).

18.0 PERUBAHAN DALAM BUTIRAN

- 18.1 IAH hendaklah memberi notis dengan segera kepada Bank secara bertulis mengenai pertukaran alamat surat menyurat, dan/atau nombor telefon/ telefon bimbit/ faks/ e-mel dan/ atau butiran lain yang direkodkan dengan Bank.
- 18.2 Pertukaran alamat IAH dengan apa-apa cara sekalipun tidak akan berkuatkuasa dan/ atau mengikat ke atas Bank kecuali notis sebenar mengenai pertukaran alamat telah diterima dan diakui sah oleh Bank.
- 18.3 Semua komunikasi yang dihantar melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir IAH yang berdaftar dengan Bank akan dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh IAH.

19.0 FI DAN CAJ

- 19.1 Bank berhak mengenakan fi dan caj bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada IAH seperti yang dipersetujui/ dipohon oleh IAH.
- 19.2 Butir-butir fi dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank boleh didapati di cawangan Bank dan laman sesawang Bank;
- 19.3 Bank boleh pada bila-bila masa di atas budi bicaranya dengan notis bertulis dihantar kepada IAH atau melalui mana-mana medium yang difikirkan sesuai oleh Bank, mengubah kadar semasa dan/ atau jumlah bayaran fi atau caj yang perlu dibayar oleh IAH. Perubahan tersebut adalah berdasarkan dengan mana-mana keperluan Syariah atau undang-undang yang berkaitan dan akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan pada notis tersebut, di mana penguatkuasaannya adalah tidak kurang daripada tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis tersebut.
- 19.4 Sekiranya terdapat mana-mana Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada IAH adalah tertakluk kepada cukai dan/ atau levi peraturan maka amaun kepada cukai dan/ atau levi peraturan di atas fi dan caj tersebut itu adalah ditanggung dan dibayar oleh IAH.

20.0 AKTA WANG TIDAK DITUNTUT 1965

- 20.1 Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965, wang yang tidak dituntut bermaksud kesemua jumlah wang di dalam akaun yang tidak dikendalikan dengan apa cara sekali pun oleh pemilik untuk tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun. Wang yang tidak dituntut kemudiannya akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut (RUM). Sebelum dana dari sesuatu akaun dorman dipindahkan kepada RUM itu, notis akan diberikan kepada IAH sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum pemindahan berlaku.

21.0 PINDAAN KE ATAS TERMA DAN SYARAT

- 21.1 Bank berhak untuk mengubahsuai, dan/ atau menukar dan/ atau mengubah dan/atau membuat variasi dan/atau menyusun semula

produk ini dan/ atau menambah, memadam atau mengubah mana-mana atau semua terma dan syarat ini, termasuk sifat Produk-produk ini, pada bila-bila masa dan tertakluk setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang berkaitan oleh pihak berkuasa. Perubahan sedemikian akan berkuatkuasa selepas tempoh dua puluh satu (21) hari selepas notis dipaparkan di premis-premis Bank atau mana-mana medium komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

22.0 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR

- 22.1 Perjanjian ini adalah ditadbir oleh, ditafsirkan dan digunakan selaras dengan bidang kuasa dan undang-undang di Malaysia.
- 22.2 Pihak-pihak yang terlibat hendaklah mematuhi setiap peruntukan bagi undang-undang bertulis yang harus mereka patuhi termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) dan mana-mana Akta, Enakmen atau Ordinan atau undang-undang berkaitan, peraturan-peraturan atau lain-lain perundangan subsidiari di bawah Akta, Enakmen atau Ordinan atau mana-mana arahan, perintah, keperluan atau arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa di bawah undang-undang bertulis.

23.0 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

- 23.1 IAH dengan ini mengisytiharkan dan bersetuju bahawa mana-mana data/ maklumat (termasuk data peribadi) yang berkaitan atau yang dirujuk atau berkaitan dengan permohonan IAH dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan hal-ehwal IAH sama ada di sini atau kemudiannya pada permohonan ini mungkin boleh digunakan atau didedahkan oleh Bank bagi tujuan pemrosesan permohonan ini atau bagi menyediakan perkhidmatan seterusnya atau lain-lain produk dan perkhidmatan dan/ atau pemasaran langsung (jika berkenaan) untuk berkomunikasi dengan IAH bagi tujuan tersebut.

24.0 PENGISYTIHARAN

- 24.1 IAH dengan ini mengisytiharkan bahawa semua kenyataan dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan betul berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka.

25.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 25.1 Bank dibenarkan/ diberi kuasa untuk mendedahkan, mengguna pakai, dan mendapatkan mana-mana maklumat berhubung dengan IAH, akaun atau perkara-perkara yang berkaitan selaras dengan mana-mana peruntukan undang-undang, peraturan, garis panduan atau arahan atau Bank di atas budi bicaranya yang dianggap sesuai atau diperlukan serta Bank tidak akan bertanggungjawab kepada IAH dalam apa jua alasan bagi pendedahan yang sedemikian.
- 25.2 Bank boleh pada bila-bila masa, tanpa liabiliti kepada IAH, mendedahkan maklumat yang wajar, tepat, relevan dan tepat pada masanya berkenaan IA-i kepada IAH menurut kekerapan dan dengan sebarang cara atau kaedah yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[TAMAT]

PENGISYTIHARAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN

Kami, mengesahkan bahawa kami telah membaca dan memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat bagi Akaun Pelaburan PrimeInvest-i ("IA-i") seperti di atas.

Untuk dan bagi pihak: _____
[Nama Pemegang Akaun Pelaburan]

Nama Penandatanganan yang Diberi Kuasa: Jawatan: Tarikh:	Nama Penandatanganan yang Diberi Kuasa: Jawatan: Tarikh:

AMARAN

PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN ("IAH") MEMPUNYAI RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DICAIRKAN SEBELUM TARIKH MATANG, IAH MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.